

# Perlu serius, jangan emosi

**KUALA LUMPUR 7 Okt.** - Cadangan penutupan sekolah vernakular perlu diambil secara serius, tidak emosi, tenang, dilakukan secara teratur, beransur dan diterima semua pihak.

Itu pandangan Presiden Persatuan Ibu Bapa dan Guru Nasional (PIBGN), **Prof. Madya Datuk Dr. Mohamad Ali Hassan** yang berkata, ia akan dapat dilaksanakan dengan mudah apabila sekolah kebangsaan sedia ada diperkasa dan dimartabatkan sepenuhnya.

“Peluang belajar bahasa ibunda masing-masing dengan guru-guru pakar matematik, sains, kejuruteraan, komputer, bahasa Inggeris dan lain-lain (yang selalunya terdapat lebih meyakinkan di sekolah vernakular sekarang) perlu dipastikan wujud di sekolah kebangsaan.

“Ini penting supaya tiada alasan lagi untuk ibu bapa bangsa lain tidak menghantar anak mereka ke sekolah itu. Prasarana dan infrastruktur lain yang diperlukan termasuk kepelbagaian guru dan pembantu guru meyakinkan lagi

tidak perlunya sekolah vernakular.

“Apa pun demi jati diri Malaysia dan untuk menguatkan dan mengukuhkan perpaduan sejati bangsa Malaysia, hanya sekolah-sekolah kebangsaan sahaja dimartabatkan dan beransur-ansur ditiadakan sekolah vernakular,” katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Sementara itu, Pensyarah Kanan Fakulti Pengajian Pendidikan Universiti Putra Malaysia (UPM), **Prof. Madya Dr. Wan Marzuki Wan Jaafar** berkata, beliau menyokong penuh hasrat mana-mana pihak untuk mewujudkan sekolah satu aliran.

“Usaha menjadikan sekolah satu aliran adalah satu usaha murni untuk memastikan perpaduan dan kejayaan negara bangsa yang lebih harmoni.

“Pendidikan adalah satu teras penting dalam usaha perpaduan dan saling hormat menghormati dalam kalangan rakyat yang perlu dipupuk melalui satu sistem pendidikan yang bersepadu,” katanya.